

<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir

# 25 MAR

## KOLOKIUUM KESERAKANAN DAN KEBERSAMAAN PERTAMA USM-UMK

Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dato' Dr. Omar Osman dan Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan (UMK), Profesor Dato' Dr. Mortaza Mohamed akan bersama-sama memberi ucapan dasar merasmikan Kolokium Keserakanan Dan Kebersamaan yang pertama kali diadakan pada hari Ahad, 27 Mac 2016 di Dewan Persidangan Kampus (DPK), Kampus Kesihatan, USM.

Kira-kira 60 orang peserta dijangka hadir yang terdiri daripada ahli-ahli akademik, penyelidik serta pentadbir.

Kolokium ini adalah untuk memperkasakan hubungan kerjasama kedua-dua buah universiti dalam hal-hal yang mempunyai kepentingan bersama khususnya Akademik, Penyelidikan, Hal Ehwal Pelajar dan Alumni, Pasca Siswazah, Fasiliti Guna Sama serta Pentadbiran dan Latihan dengan berkongsi sumber kepakaran bersama.

Maklumat lanjut hubungi: Lailatul Hafiza Abdul Rashid, Pusat Media Dan Perhubungan Awam, 09 7671054/1010/011 1096 4647 Faks: 09 767 1060 Emel: [lailatulkck@usm.my](mailto:lailatulkck@usm.my)  
(<mailto:lailatulkck@usm.my>)



Share This

